

# AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 10 ISSUE 2 2025

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYCITE

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

## Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

## Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: [alturathjournal@gmail.com](mailto:alturathjournal@gmail.com)

Journal QR Code :



# KONSEP *QAWIY AL-AMIN* DALAM AL-QURAN SEBAGAI KERANGKA TEORI MENANGANI KRISIS TADBIR URUS

The Concept of Qawiyy al-Amin in the Qur'an as a Theoretical Framework  
for Addressing Governance Crises

Haziyah Hussin,<sup>1</sup> Muhammad Khairi Abdul Azib<sup>1\*</sup> & Sahlawati Abu Bakar<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>3</sup>Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universti Islam Selangor,  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author: [p145132@siswa.ukm.edu.my](mailto:p145132@siswa.ukm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2025-1002-05>

## Article history

Received: 12/11/2025

Revised: 30/11/2025

Accepted: 10/12/2025

Published: 30/12/2025

## Abstrak

Konsep *al-qumwah* (kekuatan/kompetensi) dan *al-amanah* (integriti/kejujuran) merupakan prasyarat asas kepimpinan dalam menghasilkan tadbir urus yang mampan menurut kerangka Islam. Kegagalan pemimpin memenuhi tuntutan ini boleh membawa kepada ketidakstabilan organisasi dan pada peringkat negara mencetuskan ketidakstabilan politik, krisis ekonomi melalui ketirisan fiskal serta kehilangan kepercayaan rakyat terhadap institusi. Sehubungan itu, kajian ini meneliti konsep *al-qawiy al-amin* secara mendalam berdasarkan analisis tekstual al-Quran dan menghuraikan peranannya sebagai model etika serta kompetensi dalam tadbir urus kontemporari. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan tafsir tematik, melibatkan pengumpulan ayat-ayat al-Quran berkaitan frasa *al-qawiy al-amin* diikuti interpretasi berdasarkan pandangan ulama tafsir. Data dianalisis secara deskriptif tematik dan diintegrasikan dengan kajian kontemporari dalam bidang tadbir urus. Dapatan menunjukkan bahawa *al-qawiy al-amin* bukan sahaja menuntut kekuatan (kemampuan teknikal, profesional dan keberkesanan membuat keputusan) serta amanah (kejujuran, integriti dan tanggungjawab moral), tetapi turut disokong oleh dua elemen penting iaitu *al-'alim* (pengetahuan yang benar dan relevan) dan *al-hafiz* (keupayaan menjaga, melindungi, serta memastikan kelangsungan amanah). Kekurangan salah satu elemen ini membawa kepada pelbagai implikasi negatif yang menghakis kepercayaan orang yang dipimpin terhadap organisasi atau negara. Kajian ini seterusnya membentuk satu kerangka teori kepimpinan Islam yang holistik bagi pembaharuan etika dan kompetensi dalam tadbir urus semasa.

**Kata Kunci:** *Al-qawiy al-amin*, kompetensi, integriti, tadbir urus Islam, tafsir tematik



### Abstract

The concepts of *al-qunwah* (strength/competence) and *al-amānah* (integrity/trustworthiness) are essential prerequisites of leadership in ensuring sustainable governance within the Islamic framework. The failure of leaders to embody these principles can lead to organisational instability and at the national level trigger political turbulence, economic crises through fiscal leakages, and a decline in public trust toward state institutions. Accordingly, this study examines the concept of *al-qawiy al-amin* in depth through a textual analysis of the Qur'an and elucidates its significance as an ethical and competency-based model for contemporary governance. Employing a qualitative method with a thematic exegesis approach, the study compiles Qur'anic verses related to the phrase *al-qawiy al-amin*, followed by interpretations based on classical and contemporary scholarly perspectives. The data are analysed thematically and integrated with modern governance literature. The findings indicate that *al-qawiy al-amin* necessitates not only competence (technical capability, professionalism and sound decision-making) and trustworthiness (honesty, moral responsibility and integrity), but is further reinforced by two additional elements: *al-'alim* (possessing sound and relevant knowledge) and *al-hafiz* (the ability to safeguard, preserve and ensure the continuity of entrusted responsibilities). The absence of any of these elements leads to negative consequences that erode the confidence of stakeholders or citizens in an organisation or state. This study ultimately proposes a holistic Islamic leadership framework for enhancing ethical standards and competency in contemporary governance.

**Keywords:** *Al-qawiy al-amin*, competence, Integrity, Islamic governance, thematic tafsir

### PENGENALAN

Krisis global yang melibatkan isu akauntabiliti, ketelusan dan integriti dalam pentadbiran awam menuntut suatu model kepimpinan yang komprehensif dan berasaskan nilai. Kelemahan tadbir urus serta kegagalan kepimpinan dalam banyak konteks kini sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, ketidakcekapan dan ketirisan fiskal, seperti yang dibincangkan dalam kajian-kajian mutakhir mengenai krisis pentadbiran dan ketelusan awam. Apabila seorang pekerja atau pemimpin gagal dalam dimensi *al-qunwah* (kompetensi dan kecekapan), kerosakan yang terhasil lazimnya berkisar pada kelemahan perancangan dan pelaksanaan dasar, sehingga menjejaskan keberkesanan pembangunan namun masih berada dalam lingkungan teknikal. Sebaliknya, kegagalan dalam dimensi *al-amānah* (integriti dan kejujuran) membawa implikasi yang jauh lebih serius. Keruntuhan amanah melahirkan budaya rasuah yang sistemik, ketirisan dana awam yang besar, serta meruntuhkan legitimasi moral kerajaan (JAKIM 2014; Mukhriz 2022; Asri 2021). Kemerossotan ini akhirnya mencetuskan ketidakstabilan politik yang berpanjangan, krisis ekonomi yang sukar dipulihkan, dan hilangnya kepercayaan rakyat terhadap institusi-institusi teras negara. Justeru, konflik dan kegagalan dalam tadbir urus kontemporari menuntut penelitian semula terhadap kerangka *al-qawiy al-amin* sebagai asas teori yang berkeupayaan menangani isu-isu tata kelola semasa.

Konsep asas *al-qawiy al-amin* dinyatakan secara jelas dalam surah al-Qasas ayat 26 ketika seorang wanita mencadangkan kepada ayahnya agar mengambil Nabi Musa AS sebagai pekerja. Ayat ini memberi gambaran bahawa seorang pekerja atau pemimpin perlulah memiliki ketrampilan yang cukup untuk mengalas tugas mereka dengan penuh tanggungjawab (Arwani & Fatimatuz 2023). Oleh itu, setiap pekerjaan yang dilaksanakan hendaklah memenuhi standard kualiti yang tinggi sebagai manifestasi tanggungjawab kepada Allah SWT dan kepada masyarakat. Pengukuhan terhadap konsep *al-qawiy al-amin* turut diperluas melalui Surah Yusuf ayat 55 yang merakamkan tindakan Nabi Yusuf AS menawarkan dirinya untuk menguruskan perbendaharaan negara, berdasarkan sifatnya yang *hafiz* (menjaga dan memelihara amanah) dan *'alim* (berpengetahuan) (Uthman 2023; Ardyani & Sidqy 2025). Kedua-dua ayat tersebut menggunakan

terminologi yang berbeza namun saling melengkapi, menunjukkan bahawa kompetensi dan integriti perlu disokong oleh pengetahuan yang benar serta kemampuan menjaga amanah.

Kepentingan *al-qawiy al-amin* turut ditegaskan melalui hadis-hadis yang memperingatkan bahawa kekuasaan dan jawatan adalah amanah berat yang akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya. Kegagalan menunaikannya bukan sahaja membawa implikasi buruk di akhirat, bahkan mengundang pelbagai bencana sosial dan institusi di dunia. Keseluruhan nas ini menggariskan bahawa kekuatan tanpa amanah, atau amanah tanpa kemampuan, kedua-duanya tidak mencukupi untuk membentuk tadbir urus yang stabil, beretika dan berkesan. Sabda Nabi SAW kepada Abu Dhar RA:

أ- دَرِّ إِنَّكَ ضَعِيفٌ وَإِنَّمَا أَمَانَةٌ وَإِنَّمَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ حِزْبِي وَنَدَامَةٌ إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا بِحَقِّهَا وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا

Maksudnya: “Wahai Abu Dhar, Sesungguhnya engkau ini lemah, sedangkan jawatan itu adalah amanah. Ia pada hari akhirat nanti adalah kerugian dan penyesalan, kecuali sesiapa yang mengambilnya dengan kelayakan dan menunaikan apa yang menjadi tuntutananya.

(Muslim, Sahih Muslim, *Kitab al-Imarah*, Bab *karabah al-imarah bighir darurah*, no.1825, daripada Abu Dhar RA)

Terdapat juga hadis yang memberikan amaran bahawa pengkhianatan pemimpin seperti rasuah, zalim dan penindasan adalah pengkhianatan paling besar yang membawa azab yang tidak terperi di akhirat kelak sebagaimana dijelaskan menerusi sabda Nabi SAW:

مَا مِنْ عَبْدٍ يَسْتَرْعِيهِ رَعِيَّةٌ يَمُوتُ يَوْمَ يَمُوتُ وَهُوَ غَاشٍ لِرَعِيَّتِهِ إِلَّا حَرَّمَ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ

Maksudnya: Tidakkah seseorang diamanahkan memimpin sesuatu kaum kemudian dia meninggal dalam keadaan berkhianat terhadap rakyatnya, maka diharamkan baginya syurga.

(Muslim, Sahih Muslim, *Kitab al-Iman*, Bab *istihqaq al-wali al-ghash*, no. 142, daripada Ma'qil RA)

Maka, konsep *al-qawiy al-amin* berfungsi sebagai keperluan minimum yang mesti dimiliki oleh seorang pekerja atau pemimpin bagi menjamin kelangsungan dan kemakmuran sesebuah negara. Keperluan ini dapat ditinjau melalui konsep *al-qawiy al-amin* dalam al-Quran yang menawarkan solusi normatif yang kritikal terhadap pelbagai isu tadbir urus (Marzuk 2021). Secara asasnya, konsep ini merangkumi dua elemen utama, iaitu *al-qunwah* (kekuatan/kompetensi) dan *al-amanah* (integriti/kepercayaan) (Buntoro & Riswanto 2025).

Sehubungan itu, timbul persoalan utama: apakah maksud *al-qawiy al-amin* dalam konteks tekstual al-Quran, dan bagaimanakah konsep ini dapat dijadikan kerangka teori bagi menangani krisis tadbir urus dalam sesebuah organisasi? Berdasarkan persoalan tersebut, kajian ini bertujuan menganalisis konsep *al-qawiy al-amin* sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran serta menghuraikan peranannya sebagai model etika dan kompetensi dalam tadbir urus kontemporari.

Konsep ini dilihat semakin signifikan dalam konteks dunia semasa kerana ia menyediakan asas kepada sistem tadbir urus yang berintegriti, berkesan dan bertanggungjawab sekali gus mengurangkan risiko krisis politik, ekonomi dan sosial. Dengan memahami prinsip *al-qawiy al-amin*, para pekerja atau pemimpin dalam sesebuah institusi dapat membina tadbir urus yang lebih mampan dan berkesan dalam menghadapi cabaran kontemporari.

## METODOLOGI

Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan tafsir tematik, melibatkan pengumpulan ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan konsep *al-qawiy al-amin* dalam dua ayat al-Quran, iaitu Surah al-Qasas ayat 26 dan Surah Yusuf ayat 55. Pendekatan *tafsir mawdu'i* dipilih sebagai metodologi kajian ini kerana ia mengumpulkan serta meneliti ayat-ayat al-Quran mengikut

sesuatu tema secara menyeluruh dan tersusun (al-Farmawi 1977). Kedua-dua ayat ini dipilih kerana ia mengandungi terminologi yang secara langsung membentuk asas teori kepimpinan Qurani: *al-quwwah*, *al-amanah*, *al-hafiz* dan *al-alim* (Uthman 2023). Kepimpinan Qurani yang terkandung dalam asas teori ini memiliki intipati yang perlu dikaji dan dibahasakan untuk diamalkan dalam kehidupan seharian umat Islam (Maulana 2021). Keperluan memahami asas teori ini kerana kepimpinan Islam perlu bersumberkan keterangan di dalam al-Quran bagi melahirkan kepimpinan yang mampu memimpin dengan baik (Zakaria 2017; Muhammad 1997). Pemilihan metodologi kualitatif adalah signifikan kerana analisis konsep berasaskan al-Quran menuntut ketelitian tafsir, pemahaman konteks linguistik dan interpretasi semantik yang mendalam (Azmi 2012; Osman et al. 2020). Pendekatan tafsir tematik yang berbentuk analisis kandungan digunakan untuk meneliti nas al-Quran dari segi: (i) struktur bahasa, (ii) makna leksikal, (iii) konteks naratif dan (iv) huraian mufassir terhadap ayat-ayat tersebut. Analisis kandungan membolehkan data tekstual dikodkan kepada tema seperti kekuatan, kompetensi, integriti, amanah, kebijaksanaan dan akauntabiliti sebelum dirumuskan sebagai sebuah kerangka teori.

Pemilihan kitab tafsir dalam kajian ini dilakukan secara tujuan berdasarkan autoriti keilmuan, kedudukan sejarah serta keluasan metodologi tafsir yang digunakan oleh mufassir. Dalam kategori tafsir klasik, tiga karya utama dirujuk iaitu; *Jami al-Bayan fi Ta'wil al-Quran* oleh al-Tabari, *Tafsir al-Quran al-'Azim* oleh Ibn Kathir dan *Amwar al-Tanzil wa asrar al-ta'wil* oleh al-Baidawi. Kitab-kitab ini penting bagi memperoleh tafsiran ulama terdahulu, khususnya dalam memahami sifat *al-quwwah* dan *al-amanah* dalam konteks sejarah kenabian. Untuk melengkapi perspektif klasik, kajian ini turut merujuk dua tafsir kontemporari iaitu; *Fi Zilal al-Quran* oleh Sayyid Qutb yang memberi penekanan terhadap makna sosial dan politik dan *Safwah al-Tafasir* oleh al-Sabuni yang menghimpunkan pandangan para mufassir klasik secara ringkas dan sistematik, seterusnya memudahkan triangulasi makna bagi sesuatu istilah. Gabungan rujukan ini menghubungkan konsep kepimpinan Qurani dengan keperluan tadbir urus moden.

Proses analisis data kajian ini dijalankan melalui tiga fasa utama. Fasa pertama melibatkan pengumpulan teks primer, iaitu pemilihan dua ayat utama al-Quran iaitu surah al-Qasas ayat 26 dan surah Yusuf ayat 55 yang menjadi asas kepada konsep *al-qawiy al-amin*. Pada peringkat ini, semua tafsir lengkap bagi kedua-dua ayat dikumpulkan daripada sumber klasik dan kontemporari yang telah ditetapkan. Fasa kedua melibatkan proses penentuan tema, di mana tema awal dibentuk berdasarkan lafaz *al-qawiy al-amin* dalam ayat 26 Surah al-Qasas dan *hafiz 'alim* dalam ayat 55 Surah Yusuf yang menghasilkan tema; *al-quwwah*, *al-amanah*, *al-hafiz* dan *al-'alim*. Seterusnya, tema sekunder dibangunkan daripada hasil analisis bagi menangkap makna konseptual yang lebih luas seperti kompetensi, integriti, akauntabiliti dan kecekapan strategik. Proses penentuan tema ini bertujuan mengenal pasti hubungan semantik dan konseptual merentas tafsir serta perbandingan makna antara ayat. Fasa ketiga melibatkan pembinaan tema dan perumusan kerangka teori. Pada fasa ini, melibatkan pengekstrakan tema-tema daripada konsep *al-qawiy al-amin* bagi membina struktur naratif yang teratur serta memudahkan proses analisis (Abd al-Sattar 1991; Abu Bakar et al. 2023). Tema-tema tersebut kemudian disusun untuk membentuk kerangka teori yang menghubungkan empat elemen utama dalam kedua-dua ayat dengan keperluan tadbir urus moden, lalu menghasilkan sebuah kerangka teori yang dapat menerangkan relevansi dan aplikasi konsep *al-qawiy al-amin* dalam konteks tadbir urus.

## DAPATAN KAJIAN

### Asas Tekstual *Al-Qawiy Al-Amin*

Konsep *al-qawiy al-amin* pertama kali dikemukakan dalam surah al-Qasas ayat 26 yang menceritakan perihai Nabi Musa AS setelah beliau membantu anak-anak perempuan seorang lelaki pada zamannya. Firman Allah SWT:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا - أَبَتِ اسْتَأْجُرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ (26)

Maksudnya: Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”.

Ayat ini menerangkan tentang cadangan seorang anak perempuan kepada ayahnya agar mengambil Nabi Musa AS sebagai pekerja. Al-Tabari (m.923) (2000) menjelaskan bahawa anak perempuan itu menyifatkan Nabi Musa AS dengan dua kriteria utama: kuat (*al-qunwlah*) dan amanah (*al-amanah*). Sifat kuat dibuktikan dengan kemampuan Nabi Musa AS mengalihkan seongkah batu yang sangat berat untuk mendapatkan air. Manakala sifat amanah pula dilihat apabila Nabi Musa AS menjaga kehormatan kedua perempuan itu dengan menundukkan pandangannya. Riwayat yang mengaitkan sifat kuat dan amanah dengan Nabi Musa AS ini turut dikongsi oleh ulama tafsir terkemuka yang lain, termasuklah Ibn Kathir (m.1373) (1999). Tambahan pula, al-Sabuni (m.2021) (1997) menukilkan pandangan Abu Hayyan bahawa dua ciri ini iaitu kekuatan (kemampuan fizikal dan kemahiran) serta amanah (integriti dan etika) merupakan sifat yang paling asas dan diperlukan oleh mana-mana majikan dalam mencari pekerja bagi memastikan tugas dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan jujur.

Ketika mentafsirkan ayat yang membicarakan sifat Nabi Musa AS, al-Baidawi (m.1319) (1998) mengulas dari sudut bahasa. Beliau menjelaskan bahawa penggunaan lafaz (خَيْرٌ), yang berfungsi sebagai kata nama dan disebut dalam bentuk *fa'il al-Madhi* iaitu lafaz yang merujuk kepada masa lalu. Hal ini menunjukkan Nabi Musa AS telah membuktikan kemampuan baginda melalui pengalaman nyata sebelumnya. Pengalaman ini merujuk kepada keupayaan baginda mengangkat beban berat bagi membantu dua orang perempuan mengambil air dan pada masa yang sama, menjaga kehormatan kedua wanita tersebut dengan penuh adab. Seterusnya, Sayyid Qutb (m.1966) (1991) memperincikan kepentingan sifat amanah (*al-amanah*) yang ada pada Nabi Musa AS. Beliau menghuraikan bahawa manifestasi sifat amanah dalam menjaga maruah dan kehormatan diri serta orang lain adalah kayu ukur tertinggi. Sesiapa sahaja yang terbukti amanah dalam menjaga perkara yang paling sensitif seperti maruah, maka secara logiknya individu tersebut pasti lebih amanah dan boleh dipercayai dalam mengendalikan perkara-perkara lain seperti harta benda atau sesebuah pekerjaan.

Tafsiran ini menunjukkan konsep *al-qawiy al-amin* berakar dalam ayat 26 surah al-Qasas berpaksikan kepada dua ciri utama iaitu kekuatan (*al-qunwlah*) dan amanah (*al-amanah*) yang harus dimiliki oleh seseorang. Kekuatan merujuk kepada keupayaan fizikal dan strategik dalam melaksanakan tugas, manakala amanah merujuk kepada integriti moral serta kemampuan menjaga kehormatan dan hak orang lain. Para mufassir menekankan kedua-dua ciri ini bukan sekadar sifat yang perlu dimiliki oleh seseorang individu, tetapi merupakan prasyarat kritikal keberkesanan seseorang dalam menunaikan tanggungjawab, sama ada dalam konteks pekerjaan, kepimpinan atau pengurusan sumber. Oleh itu, ayat ini secara langsung menyediakan kerangka asas meritokrasi pemilihan pekerja atau pemimpin melibatkan tadbir urus.

Jadual di bawah menunjukkan konsensus tafsiran daripada mufassir klasik dan moden dalam menghuraikan maksud *al-qawiy al-amin*.

Jadual 1. Konsensus tafsiran mufassir klasik dan moden terhadap *al-qawiy al-amin*

| Aspek Huraian                 | Mufassir Klasik                                                           | Mufassir Moden                                                                | Konsensus                                                                         |
|-------------------------------|---------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|
| Makna <i>al-qawiy</i> (kuat)  | Kekuatan fizikal dibuktikan dengan mengangkat batu besar.                 | Kekuatan turut merangkumi keupayaan melaksanakan tugas dengan berkesan.       | <i>Al-qawiy</i> merujuk kepada kompetensi melaksanakan sesuatu tanggungjawab.     |
| Makna <i>al-amin</i> (amanah) | Amanah ditunjukkan melalui adab, menjaga pandangan dan kehormatan wanita. | Amanah sebagai kayu ukur tertinggi integriti, khususnya dalam menjaga maruah. | Amanah merujuk kepada integriti moral dan etika yang tinggi dalam diri seseorang. |

## Al-Qawiy al-Amin dalam kerangka al-Hafiz al-Alim

Perkembangan konseptual *al-qawiy al-amin* dalam konteks tadbir urus, dapat ditinjau dalam ayat surah Yusuf (12:55) yang memuatkan permintaan Nabi Yusuf AS untuk menguruskan khazanah negara Mesir bagi berhadapan bencana kemarau (Rizaldy & Hidayatullah 2021). Firman Allah SWT:

قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمُ (55)

Maksudnya: Yusuf berkata: “Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya”.

Menurut al-Tabari (2000), ulama tafsir mengemukakan dua pandangan utama dalam menafsirkan lafaz (حَفِيظٌ عَلَيْمُ) yang digunakan untuk menyifatkan Nabi Yusuf AS. Pandangan pertama menyimpulkan bahawa Nabi Yusuf AS adalah seorang yang berkeupayaan menjaga amanah (*al-hafiz*) dan berpengetahuan (*al-'alim*). Pandangan kedua pula berpendapat *al-hafiz* bermaksud mahir menjaga urusan perakaunan (kira-kira), manakala *al-'alim* bermaksud mengetahui pelbagai bahasa. Walau bagaimanapun, kedua-dua pandangan ini bersetuju bahawa Nabi Yusuf AS memiliki kemampuan profesional yang amat diperlukan, iaitu gabungan sifat amanah dan pengetahuan yang melayakkan baginda menguruskan negara. Senada dengan itu, al-Baidawi (1998) menjelaskan Nabi Yusuf AS memenuhi kriteria menjawat jawatan tersebut kerana merupakan seorang yang amanah dan berpengetahuan menguruskan jawatan itu. Menurut al-Sabuni (1997), lafaz (حَفِيظٌ) menunjukkan Nabi Yusuf AS seorang yang beramanah khususnya dalam menjaga jawatan yang diberikan kepadanya. Manakala (عَلَيْمٌ) pula menunjukkan bahawa baginda seorang yang berpengetahuan berkenaan cara-cara pengurusan yang sewajarnya.

Ibn Kathir (1999) memperincikan makna (حَفِيظٌ) sebagai seorang penjaga yang amanah manakala (عَلَيْمٌ) sebagai seorang yang memiliki ilmu pengetahuan terhadap urusan yang dipikulnya. Menurutny, Nabi Yusuf AS meminta jawatan tersebut kerana mengetahui kemampuannya untuk menguruskan jawatan tersebut dalam memenuhi maslahat yang lebih besar bagi rakyat Mesir yang bakal berhadapan situasi tujuh tahun tiada tanaman dan hasil ternakan. Beliau hanya meminta mandat untuk menguruskan khazanah bumi melibatkan bangunan-bangunan kerajaan yang menyimpan hasil ataupun gudang besar (*ahram*) di mana bijirin dan tanaman dikumpulkan sebagai persediaan menghadapi tahun-tahun kemarau. Tujuan tersebut agar baginda dapat menguruskan sumber makanan itu untuk mereka dengan cara yang bijaksana. Sayyid Qutb (1991) menjelaskan sifat amanah dan berpengetahuan Nabi Yusuf terserlah menerusi jawatan yang diminta kerana jawatan tersebut merupakan suatu posisi yang menanggung tugas yang berat. Perkara ini kerana ketika itu bakal berlaku krisis yang paling genting di Mesir yang memerlukan baginda memikul amanah memberi makan kepada seluruh rakyat Mesir, serta bangsa-bangsa berdekatan dalam berhadapan bencana kemarau.


Jadual di bawah menunjukkan konsensus tafsiran daripada mufassir klasik dan moden dalam menghuraikan maksud *hafiz* 'alim.

Jadual 2. Konsensus tafsiran mufassir klasik dan moden terhadap *hafiz* alim.

| Aspek Huraian                | Mufassir Klasik                                        | Mufassir Moden                                          | Konsensus                                                              |
|------------------------------|--------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------|
| Makna <i>hafiz</i> (penjaga) | Penjaga yang amanah, menjaga jawatan dan harta negara. | Amanah dalam memikul tanggungjawab besar ketika krisis. | <i>Hafiz</i> merujuk kepada integriti, kejujuran dan kebolehpercayaan. |
| Makna 'alim (berpengetahuan) | Berilmu tentang ilmu urusan pentadbiran dan bahasa.    | Mengusai lmu strategik dalam mengurus krisis kebuluran. | 'Alim merujuk kepada kompetensi ilmu dan kebijaksanaan pengurusan      |

Dapatan menunjukkan konsep *al-qawiy al-amin* dalam konteks tadbir urus berkembang menerusi surah Yusuf ayat 55 yang menekankan gabungan kompetensi profesional (*al-alim*) dan integriti moral (*al-hafiz*). Kedua sifat ini perlu dimiliki oleh seorang pemimpin yang terserlah menerusi kisah Nabi Yusuf AS menawarkan diri untuk menguruskan khazanah Mesir yang bakal berhadapan bencana kemarau. Tindakan baginda menunjukkan bahawa jawatan tersebut memerlukan keupayaan menjaga amanah (*al-hafiz* dan *al-amin*) serta pengetahuan praktikal dan kemampuan dalam pengurusan sumber negara (*al-qawiy* dan *al-alim*) (Ibn Kathir 1999; Sayyid Qutb 1991). Walaupun terdapat variasi tafsiran, persamaan utama menekankan bahawa Nabi Yusuf AS memiliki keupayaan profesional dan integriti justeru layak memegang tanggungjawab strategik dalam tadbir urus, terutamanya dalam menghadapi krisis yang bakal melanda Mesir. Variasi ini dibuktikan secara empirikal berdasarkan jadual 2 di atas. Oleh itu, *al-qawiy al-amin* bukan sekadar sifat individu dalam keberkesanan menunaikan tanggungjawab, tetapi kerangka etika dan kompetensi yang kritikal bagi tadbir urus yang berkesan, terutamanya dalam setiap pekerja atau pemimpin yang menuntut integriti, kebijaksanaan dan keberkesanan pengurusan.

Pengembangan konsep *al-qawiy al-amin* dapat ditinjau berdasarkan rajah berikut:



Rajah 1. Pengembangan konsep *al-Qawiy al-Amin* dalam al-Quran

## PERBINCANGAN

Perbincangan kritikal terhadap konsep *al-qawiy al-amin* menegaskan bahawa kedua rukunnya iaitu *al-qunwaw* dan *al-amanah* adalah syarat sinergi yang mutlak dan tidak boleh diasingkan dalam konteks tadbir urus. Konsep ini diperkukuhkan dengan elemen *al-hafiz* dan *al-alim*. *Al-qunwaw* dan *al-alim* diperlukan untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan dasar berjalan secara berkesan manakala dimensi *al-amanah* dan *al-hafiz* berfungsi sebagai benteng kawalan dalaman yang penting bagi menghalang penyalahgunaan kuasa dan gejala rasuah yang berleluasa. Uthman (2023) memperincikan bahawa *al-qunwaw* dalam konteks tadbir urus merujuk kepada kekuatan, keupayaan, keteguhan, daya, kompetensi dan ketangkasan; *al-amin* merujuk kepada seseorang yang dipercayai; *al-alim* merujuk kepada pengetahuan, pengalaman, kebijaksanaan dan kecerdasan yang dimiliki seseorang manakala *al-hafiz* sebagai seorang yang bertanggungjawab. Analisis ini mewujudkan piawaian asas dalam pemilihan seseorang pekerja atau pemimpin yang mana kelayakan mereka tidak hanya diukur melalui kekuatan dan kecekapan teknikal semata-mata, tetapi juga diukur melalui keupayaan individu menunaikan tanggungjawab dengan integriti moral yang tidak berbelah bahagi.

Dapatan kajian ini memperlihatkan evolusi yang lebih komprehensif terhadap pemahaman konsep *al-qawiy al-amin* berbanding kajian-kajian sebelumnya yang umumnya

menekankan hubungan antara elemen *al-quwwah* dan *al-amanah* sahaja sebagai asas pembentukan kompetensi dalam diri seorang pekerja atau pemimpin (Maulana 2021; Hajar & Aafifah 2022; Badruddin & Noor 2023; Ahmad & Zairina 2025). Kajian ini mendapati bahawa konsep *al-qawiy al-amin* sebenarnya mempunyai dimensi yang lebih luas, merangkumi keperluan kepada dua sifat tambahan, iaitu *al-hafiz* (kemampuan menjaga serta melindungi) dan *al-'alim* (keilmuan yang kukuh). Kedua-dua ciri ini melengkapkan elemen kekuatan dan amanah, sekali gus membentuk kerangka kompetensi yang lebih holistik untuk menilai kualiti kepimpinan dan profesionalisme. Sehubungan itu, kajian ini membuka satu dimensi baharu dalam pengembangan konsep *al-qawiy al-amin* sebagai kerangka teori yang berpotensi untuk menangani krisis tadbir urus kontemporari. Pada masa yang sama, dapatan ini turut menyerlahkan sifat kemukjizatan al-Quran yang sentiasa relevan dalam memandu manusia mengurus kehidupan dan institusi mereka secara beretika dan berkesan.

Konsep *al-qawiy al-amin* bukan sekadar merujuk kepada ciri peribadi seorang individu, tetapi merupakan suatu kerangka etika dan kompetensi strategik yang mempunyai signifikan besar dalam konteks sosial, sejarah dan ideologi Islam. Konsep ini menegaskan bahawa kepimpinan yang berkesan perlu berakar pada prinsip moral yang kukuh serta memiliki pengetahuan praktikal yang baik, di mana unsur kekuatan dan amanah saling melengkapi dalam membentuk keupayaan kepimpinan yang seimbang. Dari perspektif sejarah, kisah Nabi Yusuf AS ketika menghadapi krisis kemarau memaparkan bahawa pemimpin yang mempunyai integriti, keupayaan teknikal dan pandangan jauh dapat menjamin kelangsungan sosioekonomi masyarakat, di samping memelihara kepercayaan rakyat terhadap institusi negara. Sementara itu, dari sudut ideologi, konsep *al-qawiy al-amin* turut menghubungkan prinsip Islam dengan nilai meritokrasi, pengurusan sumber yang berhemah dan tanggungjawab sosial. Justeru, konsep ini mampu menjadi salah satu asas penting mengikut al-Quran dalam pembentukan model kepimpinan yang berintegriti serta relevan bagi mendepani cabaran kontemporari.


Implikasi kajian ini menunjukkan kegagalan seseorang pekerja atau pemimpin memenuhi tuntutan konsep *al-qawiy al-amin* akan mencetuskan pelbagai bentuk disfungsi dalam sistem tadbir urus, termasuk penyelewengan sumber, amalan rasuah, salah guna kuasa serta ketidakcekapan pengurusan yang merosakkan struktur organisasi. Dalam konteks moden, institusi yang tidak menekankan integriti, akauntabiliti dan kompetensi profesional turut berdepan krisis legitimasi, kehilangan kepercayaan masyarakat dan ancaman terhadap kestabilan sosial. Sebaliknya, pekerja atau pemimpin yang berpegang teguh kepada prinsip *al-qawiy al-amin* berupaya menguruskan sumber secara efektif, membuat keputusan berasaskan data dan hikmah, memelihara keadilan sosial, serta meningkatkan tahap keyakinan rakyat terhadap institusi negara. Oleh itu, kajian ini menegaskan keberkesanan tadbir urus sesebuah institusi sangat bergantung kepada penekanan berterusan terhadap kombinasi kompetensi profesional seperti kekuatan dan pengetahuan (*al-quwwah* dan *al-'alim*), bersama integriti moral yang merangkumi sifat amanah dan penjagaan terhadap tanggungjawab (*al-amanah* dan *al-hafiz*).

Jelasnya, perbandingan antara terminologi dalam surah al-Qasas ayat 26 dan surah Yusuf ayat 55 menunjukkan evolusi yang signifikan, mengalihkan tuntutan kepimpinan daripada kekuatan fizikal (*al-quwwah*) kepada kompetensi strategik (*al-'alim*) dan integriti moral (*al-amanah*) kepada akauntabiliti fiskal (*al-hafiz*). Jadual berikut merumuskan hubungan antara dimensi kepimpinan Qurani ini dengan aplikasi tadbir urus moden:

Jadual 3. Kepimpinan Qurani dalam kerangka tadbir urus

| Dimensi kepimpinan      | Asas teologi (Al-Qasas 28:26)                                          | Pengembangan Tadbir Urus (Yusuf 12:55)                                                     | Aplikasi Kontemporari                                                                                           |
|-------------------------|------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kompetensi dan Kekuatan | <i>Al-Qunwah</i> (Kekuatan fizikal dan keupayaan kerja)                | <i>Al-'Alim</i> (Pengetahuan, kecekapan strategik dan kebijaksanaan pengurusan)            | Keupayaan merancang, mengurus sumber seperti modal insan, fiskal dan memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar. |
| Integriti dan Amanah    | <i>Al-Amanah</i> (Menjaga kehormatan, integriti moral dan kepercayaan) | <i>Al-Hafiz</i> (Penjaga khazanah negara, akauntabiliti kewangan dan pencegahan ketirisan) | Ketelusan, kebertanggungjawaban, kepatuhan                                                                      |

Berdasarkan perbincangan yang telah dijalankan terhadap konsep *al-qawiy al-amin*, sebuah kerangka teori dalam menangani krisis tadbir urus dapat dibina sebagai berikut:



Rajah 2. Kerangka teori Konsep *al-Qawiy al-Amin* dalam menangani krisis tadbir urus.

Kerangka teori ini menegaskan bahawa konsep *al-qawiy al-amin* dalam al-Quran bukan sekadar satu ciri moral semata-mata, tetapi merupakan model kepimpinan Qurani yang menyeluruh. Model ini menggabungkan beberapa dimensi penting iaitu kompetensi dan kekuatan (*al-quwwah*), integriti dan amanah (*al-amanah*), akauntabiliti serta penjagaan amanah (*al-hafiz*) dan kepakaran serta kebijaksanaan strategik (*al-'alim*). Keempat-empat elemen ini secara kolektif menyediakan panduan yang mengatasi kelemahan dalam kepimpinan moden dengan menetapkan piawaian minimum yang wajib dipenuhi oleh setiap pemegang amanah di semua peringkat jawatan. Melalui pemenuhan elemen-elemen ini, tadbir urus dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, beretika dan berdaya tahan selari dengan prinsip-prinsip al-Quran.

## KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa konsep *al-qawiy al-amin* merupakan kerangka teori kepimpinan Qurani yang paling signifikan dalam menangani krisis tadbir urus kontemporari. Analisis terhadap surah al-Qasas ayat 26 dan surah Yusuf ayat 55 mendedahkan bahawa *al-quwwah* dan *al-amanah* bukan sekadar dua ciri moral, tetapi merupakan dua rukun yang saling melengkapi dalam membentuk asas kompetensi dan integriti seorang pemimpin atau pekerja. Pengembangan konsep ini dalam surah Yusuf melalui istilah *al-hafiz* dan *al-'alim* memperlihatkan bahawa pemimpin bukan sahaja perlu kuat dan amanah, tetapi mereka juga memerlukan kecekapan strategik, kebijaksanaan pengurusan serta kemampuan menjaga sumber negara secara bertanggungjawab. Kajian ini menegaskan kegagalan seseorang pekerja atau pemimpin pada dimensi *al-quwwah* membawa kepada kegagalan teknikal dan kelemahan pengurusan, manakala kegagalan pada dimensi *al-amanah* membawa kepada kerosakan sistemik seperti rasuah, ketirisan fiskal dan kehilangan legitimasi institusi. Oleh itu, penemuan paling penting menunjukkan bahawa

*al-qawiy al-amin* ialah piawaian minimum yang mesti dipenuhi dalam pembinaan tadbir urus yang berkesan, beretika dan lestari dalam konteks moden.

Kajian ini memberi sumbangan dalam memperkukuh hubungan antara prinsip kepimpinan Qurani dan keperluan tadbir urus. Kajian ini tidak hanya menekankan aspek moral kepimpinan, tetapi menghubungkannya dengan aplikasi praktikal seperti pengurusan fiskal, ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti institusi. Melalui analisis mendalam, kajian ini membuktikan *al-qawiy al-amin* bukanlah konsep idealistik semata-mata, tetapi merupakan kerangka operasi yang boleh diaplikasikan dalam pengurusan organisasi, sektor awam dan kepimpinan nasional. Dari sudut pekerja atau pemimpin, konsep ini menyediakan piawaian kompetensi holistik merangkumi kekuatan fizikal, kecekapan teknikal dan etika profesional. Dari perspektif sosial, kajian ini membuktikan pekerja atau pemimpin yang menepati *al-qawiy al-amin* mampu menghasilkan kepercayaan rakyat terhadap sesebuah institusi.

Terdapat beberapa keterbatasan yang wajar diperakui walaupun kajian ini menawarkan sebuah kerangka teori dalam mengatasi krisis tadbir urus. Pertama, kajian ini tidak menghubungkan konsep *al-qawiy al-amin* secara langsung dengan teori-teori tadbir urus kontemporari seperti New Public Management (NPM) dan Good Governance Framework. Perbandingan tersebut akan memperlihatkan kesepadanan dan perbezaan secara lebih tersusun serta mengukuhkan kedudukan konsep ini sebagai salah satu kerangka teori dalam tadbir urus moden. Kedua, kajian ini terbatas kepada analisis tekstual tanpa disokong oleh kajian empirikal seperti temu bual pemimpin institusi, penggubal dasar atau pakar tadbir urus bagi menilai sejauh mana konsep ini diaplikasikan secara praktikal. Justeru, dicadangkan kajian lanjutan seperti kajian kes melibatkan institusi kerajaan, analisis polisi dan penyelidikan lapangan. Penyelidikan tersebut berpotensi memperkukuh kedudukan konsep *al-qawiy al-amin* sebagai kerangka teori universal dalam menangani krisis tadbir urus pada skala nasional mahupun global.

#### **PENGHARGAAN**

Makalah ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah geran PP-2024-017 “Persepsi Golongan Profesional Muslim dan Bukan Muslim Terhadap Kedudukan dan Hak Bukan Muslim di Malaysia” yang dibiayai Future Research Sdn. Bhd.

#### **SUMBANGAN PENGARANG**

Konseptualisasi, Haziyah; pengumpulan data & analisis data, Muhammad Khairi; semakan dan penyuntingan, Haziyah & Sahlawati.

#### **KONFLIK KEPENTINGAN**

Pengarang mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

#### **PERNYATAAN ETIKA**

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

#### **PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)**

Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik.

#### **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abd al-Sattar, S. F. (1991). *Al-Madkhal ila al-Tafsir al-Mawdu'i*. Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Abu Bakar, S., Hussin, H., Wan Abdullah, W. N., & Nur, A. (2023). Martabat pendekatan Tafsir Mawḍūʿī dalam penulisan tafsir di era globalisasi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1193– 1204. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.403>
- Asri, M. (2021). Kewajipan Melantik Pemimpin Yang Layak. Jabatan Mufti Negeri Perlis. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/minda-mufti/543-kewajipan-melantik-pemimpin-yang-layak> (akses pada 21 November 2025).
- Arwani, M. & Fatimatuz, S. (2023). Pengembangan kompetensi profesional guru pendidikan dasar Islam perspektif Hadis Nabawi. *Islamic Elementary Education Journal*, 2(1), 49-81.
- Ahmad, H. & Zairina, A. (2025). Islamic entrepreneurship among asnaf individuals in Malaysia: A study of al-qawiy al-amin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 22(1), 116-133. <https://doi.org/10.33102/jmifr.592>
- Ardyani, T. & Sidqy, M. (2025). Konsep hafiz dan 'alim dalam pendidikan ekonomi: tafsir tahlili kisah Nabi Yusuf. *Journal of Quran & Tafsir Studies*, 1(1), 30-39.
- al-Baidawi, N. (1998). *Anwar al-Tanzil wa asrar al-ta'wil*. Muhammad Abdul Rahman (pntk). Jil. 1 & 3. Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Basmeih, A. (2013). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (30 Juz)*. Ed. ke-21. Darul Fikir.
- Badrudin, A. & Noor, M. (2023). Amil zakat's concept of personality and competency. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 4(1), 57-67. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no1.130>
- Al-Farmawi, M. (1977). *Al-Bidayah fi al-Tafsir al-Mawdu'i*. Dār al-Ma'ārif.
- Marzuk, A. (2021). Webinar “Al-Qawiyul Amin : “Pencorak Kepemimpinan Masa Depan Negara”. Majlis Belia Malaysia. <https://belia.org.my/webinar-al-qawiyul-amin-pencorak-kepemimpinan-masa-depan-negara/>
- Buntoro, F. & Riswanto. (2025). The Criteria of an ideal leader in QS. Al-Baqarah: 247: An analysis of Ibn Kathir's tafsir and its relevance to modern leadership. *Al-Furqan: Jurnal ilmu al-Quran dan Tafsir*, 8(1), 179-190. <https://doi.org/10.58518/alfurqon.v8i1.3455>
- Husin, M. M. (2022). Kegagalan pemimpin bersuara faktor rasuah berleluasa. <https://www.sinarharian.com.my/article/214014/khas/rasuah-busters/kegagalan-pemimpin-bersuara-faktor-rasuah-berleluasa>.
- Hajar, S. & Aafifah, S. N. (2022). Peningkatan kualiti modal insan untuk keusahawanan sosial Islam di Malaysia. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 3(3), 53-66. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol3no3.136>
- Ibn Kathir, I. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Sami ibn Muhammad Salamah (pntk). Jil. 4 & 6. Dar al-Tayyibah.
- JAKIM. (2014). Pelan Integriti dan kod etika. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) [https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Pelan\\_Integriti\\_dan\\_Kod\\_Etika\\_Jakim.pdf](https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Pelan_Integriti_dan_Kod_Etika_Jakim.pdf)
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 di Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Muhammad, S. (1997). Kepimpinan Islam: Satu agenda pembangunan ummah. *Jurnal Usuluddin*, 6, 131–148.
- Maulana. (2021). Reinterpretasi makna al-qawiyul amin dalam al-Qur'an surah al-Qashash ayat 26. *Jurnal Semiotika-Q: Kajian Ilmu al-Quran dan Tafsir*, 1(1), 11-23. <https://doi.org/10.19109/jsq.v1i1.8985>
- Osman, K., Ghani, M. Z. A., Mohamad, A. D & Mokhtar, A. I. (2020). Keindahan gaya bahasa simile dalam Hadis ashrat al-sa'ah. *Jurnal al-Turath*, 5(1), 1-10.
- Rizaldy, M. R & Hidayatullah, M. S (2021). Islamic leadership values: A Conceptual study. *Dialogia*, 19(1), 88-104.
- Sayyid Qutb, S. I. (1991). *Fi Zilal al-Quran*. Jil. 4 & 5. Dar al-Shuruq.
- al-Sabuni, M. A. (1997). *Safwah al-Tafasir*. Jil. 2. Dar al-Sabuni.
- al-Tabari, M. (2000). *Jami al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Ahmad Muhammad Shakir (pntk), Jil. 16 & 19. Mauqif' Mujamma' al-Malik Fahad litaba'ah al-Mushaf al-Sharif.
- Uthman, K. (2023). Empowering Children: Meaning, Requirements And Importance *International Journal Of Modern Education (IJMOE)*, 5(19), 134-150. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.519010>
- Zakaria, A. T. (2017). Metodologi kepimpinan menurut al-Quran. Dalam National Pre-University Seminar 2017 (NPreUS 2017) pada 23 Ogos 2017. Dianjurkan oleh Pusat Asasi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.